

# Amirul tetap puas hati

SAH  
11/3/17

**Sepang:** Md Amirul Ariff Musa menutup pusingan pertama Kejuaraan Motosikal Asia Idemitsu (ARRC) di Sirkit Antarabangsa Sepang (SIC) dengan muncul naib juara Perlumbaan 2 dalam kelas Underbone 150cc, semalam.

Pelumba Yuzy Honda Racing itu diapit dua pelumba UMA Racing YAMAHA Phillipine di pentas podium yang dimenangi Fernando Masato. McKinley Kyle Paz yang memenangi Perlumbaan 1 kelmarin berada di tangga ketiga.

"Saya terputus dengan kelompok depan semalam (kelmarin) dan itu antara kesilapan saya.

"Saya cuba untuk tidak mengulangi kesilapan sama dan hanya mengikut kelompok depan dan alhamdulillah saya berjaya berada di tempat kedua," kata Amirul yang menamatkan musim 2018 di tempat keenam keseluruhan.

## Kagum, jentera lawan

Mengulas mengenai sasarnya selepas tidak lagi menyertai Kejuaraan Cub Prix Malaysia tahun ini, Amirul berkata dia mahu membeiri tumpuan sepenuhnya kepada saingan ARRC dan menetapkan kelompok tiga terbaik keseluruhan Asia.

"Tahun ini fokus saya adalah

kelompok tiga terbaik keseluruhan kerana tumpuan saya hanya di ARRC," katanya.

Amirul bagaimanapun mengakui kagum dengan kekuatan jentera dimiliki pasukan UMA Racing YAMAHA Phillipine dan sudah berusaha sedaya untuk memintas mereka dari saingan bermula.

Namun pelumba berusia 28 tahun yang menamatkan perlumbaan dengan catatan, 15 minit 32.691 saat itu berkata: "Jentera mereka sangat bagus, saya cuba mengekori mereka dari awal tetapi itu saja yang termampu saya lakukan. Saya tak mampu memintas mereka," katanya.



**Md Amirul** (kanan) menduduki tempat kedua dalam Pusingan 1 Perlumbaan Dua UB150 Kejuaraan ARRC2019.